



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

INFOGRAFIK : PROSES KELULUSAN LEMBAGA IKLAN UBAT

UNTUK IKLAN PERKHIDMATAN KESIHATAN



* Panduan ini terpakai untuk iklan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh premis **hospital swasta, klinik swasta, klinik radiologi swasta dan makmal perubatan swasta** SAHAJA. Premis-premis tersebut wajib mempunyai lesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan dikendalikan oleh pengamal perubatan yang mempunyai Perakuan Amalan Tahunan yang dikeluarkan di bawah Akta Perubatan 1971.

* Iklan perkhidmatan kesihatan berkaitan rawatan, pencegahan dan diagnosis apa-apa penyakit atau keadaan badan manusia yang ditawarkan oleh **premis-premis lain DILARANG diiklankan** dan permohonan bagi mendapatkan kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU) tidak akan diterima.

ADAKAH IKLAN ANDA MEMERLUKAN KELULUSAN LEMBAGA IKLAN UBAT (LIU) ?

**SILA
RUJUK**

- o S.4A Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956
- o Garis Panduan Pengiklanan Untuk Kemudahan Dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan
- o Polisi dan Keputusan LIU

ANDA TIDAK PASTI

**IKLAN ANDA MEMERLUKAN
KELULUSAN LIU**

Anda boleh menghantar permohonan yang lengkap berserta bayaran RM300* kepada LIU

**PERMOHONAN DITOLAK
OLEH LIU**

Permohonan tidak lengkap / tidak menepati **Panduan Mengemukakan Permohonan kepada Lembaga Iklan Ubat (LIU)**

**PERMOHONAN DITERIMA
OLEH LIU**

IKLAN DILULUSKAN OLEH LIU

- o Mengandungi maklumat berkaitan kemahiran dan perkhidmatan yang merujuk kepada diagnosis, rawatan atau pencegahan apa-apa jenis penyakit atau keadaan badan ;

DAN

Mengandungi dorongan atau pelawaan kepada orang yang dirujuk dalam iklan untuk merujuk kepada pengiklan berhubung dengan kemahiran dan / atau perkhidmatan yang diiklankan.

- o Kandungan iklan menepati Garis Panduan & Polisi dan Keputusan LIU.

IKLAN TIDAK DILULUSKAN OLEH LIU

- o Kandungan iklan tidak menepati Garis Panduan.
- o Lesen Perkhidmatan Kesihatan Swasta telah tamat tempoh.
- o Perkhidmatan yang diiklankan tidak tertera dalam lesen Perkhidmatan Kesihatan Swasta.
- o Perakuan Amalan Tahunan Pengamal Perubatan telah tamat tempoh/ tempat amalan adalah selain dari alamat premis pemohon.

* Bayaran RM300 adalah fi pemprosesan permohonan iklan dan tidak akan dipulangkan selepas permohonan diterima.

Disediakan oleh : Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, 46200, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

No Tel : 03-78413200 No. Faks : 03-79682251 www.pharmacy.gov.my